

15 Jun 2016

‘Memang perit kena sebat’

KOSMO! RABU 15 JUN 2016

NEGARA! 3



AMENG terus mendukung anaknya Wan Amar Haikal sebaik dibebaskan daripada Penjara Kluang semalam. Turut bersama menyambut pembebasan Ameng, isterinya Sabariah.



AMENG kelihatan gembira selepas melangkah keluar dari Penjara Kluang semalam selepas menjalani hukuman lima tahun kerana dadah.

Vokalis Spring, Ameng ceritakan keperitan jalani hukuman penjara kerana kesalahan dadah
‘Memang perit kena sebat’

Oleh MOHD. IZUAN ROSELI dan MOHD. HAIKAL ISA

Ameng Spring mengaku salah atas tiga pertuduhan kes dadah manakala isteri dibebaskan
Penyanyi tahi dadah dipenjara

KERATAN Kosmo! 13 April 2011.

KLUANG — Ramadan tahun ini menjadi yang paling bermakna buat vokalis kumpulan Spring, yang popular dengan panggilan Ameng selepas dibebaskan daripada Penjara Kluang di sini semalam selepas lima tahun menjalani hukuman penjara akibat terjebak dengan najis dadah.

Suasana hiba menyelubungi pekarangan Penjara Kluang apabila pembebasan Ameng atau nama sebenarnya Wan Aminuddin Wan Ismail, 48, disambut oleh isteri, Sabariah Zakaria, 46, dan anak mereka Wan Amar Haikal, 9, pada pukul 12.15 tengah hari semalam.

Ameng semasa ditemui sebaik dibebaskan menyifatkan pengalaman menjalani hukuman penjara merupakan yang teruk pernah dilalui kerana dia menjadi murung hampir setahun ketika berada di penjara.

Kemurungannya itu berpunca daripada rasa sedih kerana berjauhan daripada keluarga, hilang harta dunia dan kemasyhuran.

“Hari ini (semalam) saya amat bersyukur kerana dengan rahmat Allah, sokongan kawan dan keluarga terdekat,

“Kesakitan yang saya alami akibat disebat berlanjutan sehingga sebulan. Ketika itu, hendak berdiri pun sakit dan apa yang saya mampu lakukan hanya meniarap dengan berhati-hati

AMENG

saya berjaya menghabiskan hukuman.

“Pengalaman hidup dalam penjara adalah tempoh paling sukar dalam hidup saya dan apabila diberitahu hukuman dipendekkan saya berasa amat gembira,” ceritanya.

Selain itu, Ameng turut bercerita mengenai hukuman 10 sebatan yang dikenakan dengan memberitahu, walaupun sebatan itu sudah berlaku lima tahun lalu tetapi ia tetap berbekas di hatinya.

“Memang perit kena sebat. Kesakitan yang saya alami akibat disebat berlanjutan sehingga sebulan. Ketika itu, hendak berdiri pun sakit dan apa yang saya mampu lakukan hanya meniarap dengan berhati-hati,” katanya.

Bagaimanapun, kata Ameng, menyedari hukuman tersebut adalah untuk membusu kesalahan yang dilakukan, dia akur dan mampu menerima balasan tersebut.

Pada 12 April 2011, Ameng dijatuhi hukuman penjara lapan tahun dan dikenakan 10 sebatan oleh Mahkamah Sesyen Melaka kerana kesalahan dadah, namun kerana berkelakuan baik, tempoh hukuman tersebut dipendekkan.

Mengulas lanjut, Ameng memberitahu, dia merancang untuk meneruskan kerjayanya selepas ini bagi membusu kembali kerugian yang disia-siakkannya sebagai artis selama dipenjara.

“Saya juga merancang untuk mengadakan kelas me-

ngaji al-Quran buat rakan-rakan artis yang berminat memandangkan saya sudah boleh mengajar dan menghafal juzuk-juzuk al-Quran, sembahyang, marhaban dan lain-lain,” katanya.

Sementara itu, Sabariah ketika dihubungi berkata, dia bersyukur kerana selepas lima tahun, suaminya menjalani hukuman penjara sudah kembali ke rumah dan dapat menjalani ibadah puasa dan bakal menyambut Syawal secara bersama.

“Hanya Tuhan yang tahu bagaimana perasaan saya sebagai isteri apabila melihat abang Ameng sudah boleh keluar penjara.

“Pagi ini (pagi semalam) saya begitu bersemangat dengan bangun awal dan terus pergi ke Penjara Kluang untuk menunggu abang Ameng melangkah keluar dari penjara,” katanya.

Ameng yang popular dengan lagu *Bourgenvilla* pada tahun 1993 berkahwin dengan Sabariah pada tahun 2004 dan dikurniakan seorang anak, Wan Amar Haikal.

Terdahulu, Ameng pernah mendirikan rumah tangga dengan pelakon dan penerbit drama, Datuk A. Aida pada tahun 1995 namun bercerai tujuh tahun kemudian.

INFO Kes-kes dadah melibatkan Ameng

24 Oktober 2005 - Ameng mengaku bersalah di Mahkamah Majistret Besut, Terengganu atas tuduhan menagih dadah jenis methamphetamine di Kampung Batang Gergaji, Besut pada 3 September.

14 Disember 2005 - Ameng dijatuhi hukuman denda RM3,000 atau penjara empat bulan oleh Mahkamah Majistret Besut, Terengganu setelah mengaku salah menagih dadah awal September 2005.

1 November 2010 - Ameng dijatuhi hukuman penjara dua bulan dan denda RM4,000 oleh Mahkamah Majistret Kuala Lumpur selepas dia didapati bersalah terhadap tuduhan memasukkan ganja ke dalam badannya di pejabat Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik Sentul pada 2 April 2010.

1 Februari 2011 - Ameng dan isterinya ditahan selepas polis menemui ganja seberat 122 gram dan sejumlah syabu ketika dia dan isteri, Sabariah Zakaria menginap di sebuah hotel bajet di Taman Melaka Raya, Melaka.